

Perutusan Pengerusi



Saya dengan sukacitanya membentangkan *Laporan Tahunan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)* bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Ini merupakan Laporan Tahunan saya yang pertama sejak mengambil alih jawatan Pengerusi AOB daripada Dato' Gumuri Hussain pada Disember 2020. Saya berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah AOB bermula Januari 2020 dan telah diberi peluang untuk membiasakan dengan matlamat strategiknya, inisiatif dan operasi bertujuan melaksanakan mandat yang telah ditetapkan oleh SC.

Tahun 2020 merupakan tahun yang amat mencabar dalam pelbagai aspek. Selain daripada kebimbangan mengenai kesihatan dan keselamatan, pandemik di seluruh dunia yang dicetuskan oleh virus COVID-19 telah mengakibatkan ketidakpastian ekonomi di Malaysia dan seluruh dunia.

Di sebalik cabaran berterusan yang dicetuskan oleh pandemik tersebut, Jawatankuasa Audit (AC) dan pengawal selia tetap bertanggungjawab untuk memastikan pengauditan bebas berkualiti tinggi untuk menggalakkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit entiti berkepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual. Sehubungan itu, AOB terus mengukuhkan jangkaan kawal selianya terhadap juruaudit yang berdaftar dengan AOB melalui tiga fungsi utamanya – pendaftaran dan pengiktirafan, pemeriksaan dan penguatkuasaan.

AOB memantau dengan teliti kesan pandemik COVID-19 terhadap pelaporan kewangan PIE yang beroperasi dalam pasaran modal Malaysia dan mengingatkan juruaudit bahawa walaupun banyak cabaran yang dihadapi, kualiti audit tidak seharusnya dikompromikan. AC dan Mereka yang Dipertanggungjawabkan dengan Tadbir Urus (TCWG) terutamanya adalah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan syarikat awam tersenarai (PLC) dan memastikan maklumat kewangan teraudit yang boleh dipercayai diberikan kepada pengguna penyata kewangan untuk membuat keputusan yang bermaklumat. Untuk memudahkan AC dan TCWG melaksanakan tanggungjawab mereka dalam era pandemik yang belum pernah terjadi sebelum ini, AOB menegaskan bidang tumpuan yang memerlukan pemeriksaan lebih mendalam.

AOB telah memperkemas plan pemeriksaannya pada 2020. Sebagai tambahan kepada pemeriksaan di lokasi yang telah dirancang, AOB juga melakukan pemeriksaan di luar lokasi dan memperkenalkan pemantauan di luar lokasi dan semakan tematik yang lebih meluas terhadap bidang yang dibimbangi timbul daripada kesan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap penyata kewangan yang teraudit dan laporan juruaudit. Ini dilakukan melalui analisis yang lebih mendalam terhadap penyata kewangan teraudit PLC dan laporan juruaudit melalui penggunaan analisis data yang dipertingkatkan.

CABARAN DALAM MEMENUHI TANGGUNGJAWAB KAWAL SELIA

Isu yang sangat mendesak yang dihadapi oleh profesion audit tahun ini adalah cabaran dalam memenuhi keperluan peraturan mereka. Pelbagai langkah perintah berkurung (contohnya PKP, PKP Bersyarat dan sebagainya) menyukarkan juruaudit untuk mengakses buku dan rekod pelanggan masing-masing. Perkara sebegini mengakibatkan proses menyiapkan tugas audit menjadi lambat dan memenuhi keperluan kawal selia berkaitan dengan pelaporan kewangan.

AOB menyedari kesukaran yang dihadapi oleh juruaudit dan mengumumkan langkah-langkah untuk meringankan beban mereka. Ini adalah bagi memudahkan firma-firma yang terjejas untuk memberi lebih perhatian dan sumber mereka untuk menangani pelbagai cabaran audit yang dihadapi akibat wabak COVID-19. Langkah-langkah tersebut termasuk menangguhkan permulaan pemeriksaan AOB, melanjutkan tempoh untuk juruaudit menyerahkan rancangan tindakan pemulihan mereka serta pelanjutan tempoh masa untuk pelaksanaan dan penyelesaian rancangan tindakan pemulihan mereka dan juga pelanjutan tarikh akhir pembayaran yuran pendaftaran tahunan mereka. Di samping itu, AOB juga menangguhkan pelaksanaan laporan ketelusan audit untuk firma terpilih sehingga 2021.

AOB menyedari kesukaran yang dihadapi oleh juruaudit dan mengumumkan langkah-langkah untuk meringankan beban mereka. Ini adalah bagi memudahkan firma-firma yang terjejas untuk memberi lebih perhatian dan sumber mereka untuk menangani pelbagai cabaran audit yang dihadapi akibat wabak COVID-19.

PROSES PENGUATKUASAAN AOB

Pada 2020, AOB melaksanakan enam tindakan penguatkuasaan ke atas juruaudit dan firma audit yang gagal mematuhi piawaian audit. Falsafah penguatkuasaan AOB berasaskan pada prinsip-prinsip keberkadaran dan kecekapan. Tindakan penguatkuasaan AOB sepadan dengan keseriusan dan kesan pemerhatian tersebut tanpa mengira saiz firma audit.

Walaupun AOB menggunakan tindakan penguatkuasaannya untuk memberi isyarat kepada juruaudit mengenai pentingnya mendukung kualiti audit, AOB juga menyedari tentang cabaran yang dihadapi oleh firma audit berkenaan dengan pembinaan kapasiti dan peningkatan kemampuan pengetahuan yang berterusan. Dalam hal ini, AOB mengumumkan subsidi latihan sebanyak RM30,000 bagi setiap firma berdaftar dengan AOB yang mempunyai kurang daripada 10 rakan audit. AOB memberikan input kepada Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) untuk merangka program latihannya yang diluluskan bertujuan untuk mengatasi kelemahan audit lazim di firma audit, yang ditemui oleh AOB semasa pemeriksaannya. Program latihan tidak hanya berfokus kepada pengetahuan teknikal tetapi menekankan pelaksanaan praktikal audit dan standard perakaunan.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, AOB terus menghadapi cabaran undang-undang yang dimulakan oleh juruaudit terhadap tindakan yang diambil oleh AOB. AOB menyedari bahawa cabaran undang-undang terhadap keputusannya tidak dapat dielakkan dan menganggap situasi ini sebagai peluang untuk memastikan bahawa proses dan prosedur AOB tetap mantap dan bagus. AOB ingin menekankan bahawa proses penambahbaikan berterusan merupakan salah satu asas utama bagi AOB mengamalkan tindakan penguatkuasaan yang adil dan sesuai secara konsisten.

PENGHARGAAN

Saya amat berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan bagi tahun ini kerana pada 1 April 2020, AOB menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-10. Sepanjang sedekad yang lalu, AOB telah berkembang menjadi sebuah pengawal selia audit yang dipercayai dan dihormati di rantau ini. Pencapaian utama AOB sepanjang sedekad yang lalu dibentangkan dalam Bahagian 2 Laporan Tahunan ini. Pencapaian AOB tidak mungkin berjaya dicapai tanpa kepimpinan Pengerusi terdahulu, Dato' Gumuri Hussain serta ketekunan dan komitmen daripada ahli Lembaga Pengarahnya.

Dato' Gumuri Hussain menamatkan tempoh perkhidmatan berkanunnya pada 23 November 2020 dan bersara setelah berkhidmat dengan SC selama 16 tahun dalam pelbagai kapasiti. Dato' Gumuri dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah AOB pada 2012 dan memainkan peranan penting dalam membimbing AOB untuk mencapai mandatnya dalam menggalakkan pengauditan bebas yang berkualiti tinggi.

Saya turut yakin berbekalkan pengalaman dan pengetahuan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang baru dilantik iaitu Puan Salmah Bee Mohd Mydin, Puan Nor Azimah Abdul Aziz dan Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan akan membimbing AOB mengharungi tempoh sukar yang penuh cabaran pada masa hadapan.

Peristiwa-peristiwa pada 2020 dan penyesuaian kepada norma baharu tentu sekali akan mempengaruhi agenda pengawalseliaan dan pembangunan kami untuk masa hadapan. Pasukan pengurusan turut memainkan peranan penting dalam memastikan AOB mencapai mandatnya. Saya ingin merakamkan penghargaan ke atas usaha cemerlang mereka walaupun menghadapi cabaran yang besar dan ketidakpastian pada tahun ini.



Dato' Anantham Kasinather